

CAV untuk masyarakat

Pemeriksaan kesihatan CAV:

Dewasa, 18 tahun ke atas

- Berat badan, tinggi, BMI, pemeriksaan mata
- Pemeriksaan nadi, tekanan darah dan nasihat pakar dari doktor atau jururawat
- Mengajar pemeriksaan payudara sendiri (BSE)
- Pemeriksaan penyakit berbahaya bagi kumpulan berisiko tinggi (seterusnya dirujuk kepada doktor di hospital kerajaan)
- Pendaftaran sejarah perubatan diri dan keluarga

Kanak-kanak, 17 tahun ke bawah

- Pemeriksaan kecacangan, pemeriksaan mata
- Berat dan tinggi (untuk carta pembesaran)
- BMI untuk yang melebihi umur 12 tahun

Oleh **NURUL ANUAR KARI**
kesihatan@utsuan.com.my

DI ketika negara dan dunia menghadapi kegawatan, ketidakstabilan ekonomi, bermacam bencana alam dan penularan pelbagai jenis penyakit, bantuan dan kerjasama semua pihak berkemampuan amat dialu-alukan untuk meringankan beban rakyat dan kerajaan. Untuk itu, program tanggungjawab korporat yang dijalankan syarikat-syarikat besar dilihat dapat membantu mengurangkan beban orang ramai yang memerlukan bantuan.

Program sebegini juga dapat membantu sektor kesihatan negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menjaga kebajikan dan kesihatan rakyat. Syarikat-syarikat besar yang berkemampuan dapat berkongsi kemahiran, kewangan dan sumber yang ada untuk meningkatkan kesedaran kesihatan di kalangan ahli masyarakat.

Program CAV

Satu contoh baik sumbangan sebuah syarikat besar dalam meringankan beban kesihatan negara adalah program Care-A-Van (CAV) Pfizer yang bermula sejak 1998. Seperti namanya, program ini melibatkan penggunaan sebuah van untuk membawa kakitangan kesihatan ke kawasan luar bandar dan pedalaman bagi memberikan pemeriksaan kesihatan percuma, program mencegah penyakit dan



DR. Wong (kanan) turut serta ketika memberi pemeriksaan kesihatan percuma CAV di Seri Kembangan baru-baru ini.

ceramah kesihatan kepada penduduk kawasan terbabit.

Inisiatif ini juga membawa negara selangkah ke arah pembangunan tahap kesihatan rakyat dengan membantu mereka yang kurang berkemampuan atau sukar mendapatkan perkhidmatan kesihatan sedia ada.

Bagi **Pengarah Perubatan Pfizer Malaysia, Singapura dan Brunei, Dr. Wong Kok Seng** yang memulakan kerjayanya di Pfizer dengan program CAV, program tersebut merupakan satu cara pihak syarikat menyumbang kembali kepada masyarakat.

“Sasaran kami bukan hanya untuk menghasilkan ubat yang lebih elok dan berkesan tetapi lebih

utama adalah pencegahan.

“Ini kerana sesetengah penyakit, seperti kanser, lebih elok dicegah kerana agak sukar dirawat menggunakan ubat,” katanya.

Memandangkan terdapat golongan yang sukar mendapatkan perkhidmatan kesihatan, Dr. Wong dan beberapa rakan sekerja mencadangkan program CAV supaya perkhidmatan kesihatan ‘dibawa’ kepada orang ramai.

Menurut beliau, program itu menjadikan sebuah van seperti klinik bergerak bagi membolehkan lebih ramai penduduk Malaysia menjalani hidup yang lebih sihat dan berkualiti. Lebih membanggakan, program tersebut turut mendapat kerjasama dan

penyertaan kakitangan dari Kementerian Kesihatan dan sukarelawan lain bagi memberi bantuan, khidmat dan nasihat secara percuma kepada orang ramai.

Konsep ‘percuma’

Di ketika ramai yang mengalami masalah kewangan, sebarang konsep percuma tentu dialu-alukan. Untuk itu, program CAV secara percuma patut menjadi contoh baik bagi badan korporat lain menyumbang kembali kepada masyarakat dengan memberi bantuan mengikut kemampuan dan kepakaran masing-masing.

Dr. Wong menjelaskan CAV menjalankan ujian saringan percuma untuk golongan dewasa dan kanak-kanak tetapi tidak memberi ubat percuma.

“Sakit atau tidak, kami tetap menjalankan pemeriksaan kesihatan percuma. Mereka yang mempunyai risiko masalah kesihatan akan dirujuk kepada doktor di hospital kerajaan.

“Ini kerana pesakit perlu menemui doktor bagi memastikan pemeriksaan lanjutan dipatuhi dan juga bagi membolehkan doktor menentukan rawatan atau ubat bersesuaian dengan masalah yang dihadapi mereka,” tegasnya.

Beliau menjelaskan pemeriksaan kesihatan dan program yang dijalankan juga diharap dapat mengesan masalah seperti obesiti, gula atau kolesterol berlebihan, BSE untuk kanser payudara serta mengesan glaukoma di peringkat awal.

Selepas lebih 10 tahun berjalan,